VC004003C

JADUAL KETIGA

[subkaedah 5 (2)/ *subrule 5(2)*]

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERMIT) 2007

WATER SERVICES INDUSTRY (PERMIT) RULES 2007

PERMIT IPA JENIS A/B/C/D/E*

*IPA TYPE A/B/C/D/E * PERMIT*

No. Permit: *Permit Number:*	SPAN/C1(P)//2024/004005
Nama pemegang permit: *Name of permit holder:*	KEJURUTERAAN BINTAI KINDENKO SDN BHD
Alamat pemegang permit: *Address of permit holder:*	10-01-02, PJX-HM SHAH TOWER, JALAN PERSIARAN BARAT, SELANGOR, 46050 SELANGOR SELANGOR DARUL EHSAN
Tujuan permit: *Purpose of Permit:*	PERMIT IPA JENIS C1 (PEMBETUNGAN)

Negeri atau negeri-negeri di mana kerja-kerja boleh diusahakan:
State or states in which the works may he carried out:

SEMENANJUNG MALAYSIA, WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA DAN LABUAN

Permit sah dari: *Permit is valid from:*	24 JULAI 2024
Sehingga *to*	23 JULAI 2025

Permit tertakluk kepada terma dan syarat yang dilampirkan.
Permit subject to terms and conditions as attached.

Fi Permit: *Permit fee:*	RM 5,000.00

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

Resit No.: *Receipt No.:*	RCP20240724115
Tarikh pembaharuan/pengeluaran: *Date of issued/renewal*	24 JULAI 2024

SYARAT-SYARAT STANDARD

[Subkaedah 7(1) Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007 Termasuk Pindaan 2021]

Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat-syarat permit yang hendaklah termasuk syarat-syarat standard yang berikut :-

1. Pemegang permit hendaklah menjalankan kerja, dan di dalam negeri atau negeri-negeri, yang dinyatakan dalam permit itu sahaja;
2. Pemegang permit hendaklah memaklumkan Suruhanjaya mengenai apa-apa perubahan butir-butir pemegang permit;
3. Pemegang permit hendaklah memberikan maklumat, dalam format dan pada lat tempoh, sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya;
4. Pekerja dan pekhidmat pemegang permit hendaklah dibenarkan untuk menjalankan kerja yang dibenarkan di bawah permit bagi pemegang permit dengan syarat bahawa pemegang permit hendaklah pada setiap masa bertanggungjawab terhadap semua tindakan atau peninggalan pekerja dan pekhidmatnya;
5. Pemegang permit hendaklah pada setiap masa mengekalkan perakuan pendaftaran yang diperlukan sebagai kontraktor berdaftar yang dikeluarkan oleh Lembaga, jika diperlukan;
6. Pemegang permit hendaklah pada setiap masa memiliki dan mengekalkan kelayakan untuk memegang permit sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa;
7. Pemegang permit hendaklah pada setiap masa berurusan dengan pengguna secara adil dan munasabah dan jika terpakai, mematuhi standard pengguna;
8. Pemegang permit hendaklah pada setiap masa melindungi keselamatan orang awam dan pekerjanya dan hendaklah pada setiap masa mematuhi tatacara dan peraturan pekerjaan, kesihatan dan keselamatan yang berkaitan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan;
9. Pemegang permit hendaklah mematuhi undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan alam sekitar;
10. Pemegang permit, pekerja dan pekhidmatnya hendaklah pada setiap masa mematuhi kehendak kesihatan yang terpakai yang dikenakan oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkaitan;
11. Pemegang permit hendaklah menuruti dan mematuhi syarat permit dan peruntukan Akta dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat atau instrumen lain yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya atau yang dikeluarkan di bawah undang-undang bertulis lain atau oleh pihak berkuasa yang berkaitan; dan
12. Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat lain sebagaimana yang dikenakan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

SYARAT-SYARAT KHAS

[Subkaedah 7(1)(k) Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007 Termasuk Pindaan 2021]

Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat lain sebagaimana yang dikenakan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa seperti yang berikut:

1. Pemegang permit hendaklah memastikan bahawa kerja-kerja yang disubkontrak diberikan kepada kontraktor yang merupakan pemegang permit yang sah dengan SPAN.